

**Krisis Nilai Murni Bawa Perpecahan Melayu, Kata Tokoh Akademik Bernama  
24 Disember, 2011**

GEORGE TOWN, 24 Dis (Bernama) -- Terhakisnya nilai murni dan identiti Melayu menjadi punca perpecahan bangsa itu, kata Naib Canselor Albukhary International University (AIU) Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Beliau berkata perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu tidak akan tercapai jika mereka gagal menghayati ketertinggian nilai murni, adab dan budaya Melayu yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

"Orang Melayu pada masa dahulu kaya dengan adat resam. Mereka bangsa yang berbudi, santun dalam bicara, berhemah mengeluarkan pendapat, dan beradab. Tetapi pada masa kini unsur-unsur ini sudah pudar dalam masyarakat kita. Kerana itu bangsa kita berpecah belah," katanya.

Berucap pada Kongres Perpaduan Melayu di sini pada Sabtu, beliau berkata jika identiti Melayu terus diamalkan secara berhemah, ia mampu menjadi pengikat bangsa yang teguh.

"Mengambil contoh konsep berbudi. Dengan adanya amalan berbudi, ruang perpecahan dalam kalangan masyarakat akan tercantum kerana ia mampu menjadi kenangan yang begitu berharga kepada mereka yang menerimanya.

"Bak kata pepatah hilang budi kerana tamak, cacat muafakat kerana pekerti," katanya.

Kongres anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) dan Ikatan Kelab-kelab Melayu Pulau Pinang (Ikatan) yang bertemakan 'Memperkasa Ikatan Melayu - Menjamin Kelestarian Hari Esok' dihadiri kira-kira 150 peserta terdiri daripada wakil badan bukan kerajaan dari seluruh negeri.

Turut hadir Yang Dipertua Pemenang Datuk Seri Mohd Yussof Latiff dan barisan panel melibatkan Peguam Kanan Persekutuan daripada Jabatan Peguam Negara, Mohamed Naser Disa dan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia Dr Azeem Fazwan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636343>